

## **Pembentukan Stigma Akibat Pandangan Stereotaip**

Nurzaira Azreena Bt. Rahamat

Stereotaip yang merupakan satu lagi konsep asas dalam bidang hubungan ras/etnik juga dikatakan sebagai faktor penyumbang kepada pembentukan konsep sendiri negatif di kalangan kaum minoriti. Stereotaip menurut Lippmann (1922) adalah “gambar dalam kepala kita.” Allport (1958) melihat stereotaip sebagai satu kepercayaan yang dilebih-lebihkan berkaitan dengan satu kategori. Ehrlich (1973) pula menganggap stereotaip adalah satu set kepercayaan dan ketidakpercayaan tentang sesuatu kumpulan manusia.

Dalam konteks hubungan ras/etnik, stereotaip itu merupakan satu pandangan atau imej yang diberikan oleh satu kumpulan ras terhadap kumpulan ras yang lain. Pandangan atau imej ini biasanya bersifat negatif. Kumpulan dominan kulit putih seringkali memegang idea yang stereotaip tentang kaum subordinat yang bukan daripada golongan kulit putih dan begitu juga sebaliknya.

Idea stereotaip ini sukar untuk diketepikan oleh sesuatu kaum itu kerana banyak faktor yang menghalang mereka untuk melarikan diri daripada idea ini. Pertama, ciri-ciri sesuatu kaum itu mungkin muncul daripada keadaan hidup yang sebenar. Contohnya, orang kulit putih selalu mengaitkan kemalasan dengan orang kulit hitam disebabkan ramai orang kulit hitam yang hidup dalam keadaan miskin.

Aspek lain tentang stereotaip ini ialah “*self-fulfilling prophecy*” di mana golongan dominan mewujudkan halangan dan tekanan supaya golongan minoriti terus mematuhi idea stereotaip yang sedia ada. Kepatuhan kepada stereotaip ini walaupun dipaksa akhirnya dianggap sebagai benar oleh kaum minoriti. Ketiga, idea stereotaip ini sering diperkuatkan melalui media massa seperti dalam filem dan sebagainya.